JABATAN PERANGKAAN
MALAYSIA

# SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

# STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

## BIL 45/2020

## RUJUKAN : 6 MEI 2020

@MyCensus2020
@StatsMalaysia
BANCI PENDUDUK & PERUMAHAN MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020
www.dosm.gov.my
www.mycensus.gov.my

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

### 1. PENDAHULUAN

Pendekatan tertumpu (*targeted approach*) merupakan tindakan proaktif dan agresif yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan penularan wabak terkawal seterusnya fasa pemulihan dapat berjalan dengan lancar. Susulan daripada itu, lebih banyak kes telah dikenalpasti, namun kini jumlah catatan harian didapati sedikit menurun. Amalan norma baharu rakyat Malaysia untuk membuat kawalan kendiri dapat mempengaruhi penurunan jumlah kes harian. Pada masa yang sama, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) tidak wajar untuk diambil mudah di kalangan masyarakat memandangkan situasi ini sentiasa berubah secara harian dan masih terlalu awal untuk mengisytiharkan tahap risiko jangkitan COVID-19 sebagai rendah.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 6 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 4,702** atau 73.15 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,619 kes aktif dengan kebolehjangkitan**. Sementara itu, sebanyak **45 kes positif baharu** direkodkan (1 kes import) menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **6,428 kes**. Kes penularan tempatan dilaporkan sebanyak 44 kes, dengan satu (1) kes telah dikesan daripada kluster dan lokaliti di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Lima negeri mencatatkan **pertambahan kes baharu** berbanding tiga negeri yang direkodkan pada hari sebelumnya iaitu **W.P. Kuala Lumpur sebanyak 22 kes**, diikuti Sarawak (11 kes), Selangor (9 kes), Negeri Sembilan (2 kes) dan Melaka (1 kes). Selain itu, sejumlah **107 kes kematian** dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **satu kes kematian baharu** seperti pada Jadual 1.

Sehingga 5 Mei 2020, pecahan kes mengikut daerah menunjukkan **kumulatif kes aktif mengikut zon merah** kekal kepada **10 daerah**. Antara daerah atau kawasan yang masih merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** (100 kes ke atas) adalah **Ibu Kota dengan 156 kes** dan **Kuching sebanyak 110 kes.** Sementara itu, **112 daerah atau kawasan** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** atau **tanpa kes aktif.**

Di peringkat global, jumlah jangkitan COVID-19 telah meningkat kepada **3,659,759 kes** dengan melibatkan **256,928 kematian. Amerika Syarikat (AS) mendominasi** bilangan kes positif sebanyak **1,203,673 kes** disusuli oleh Sepanyol dengan 219,329 kes dan Itali (213,013 kes). Sebanyak 9 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 19,410 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (12,071 kes), Filipina (9,684 kes) termasuk Malaysia (6,428 kes). Sementara itu, **27.6 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika**

**Syarikat** diikuti United Kingdom yang mencatatkan 11.5 peratus dan Itali (11.4 peratus). **Belgium** merekodkan kadar kematian tertinggi iaitu 15.87 peratus berbanding kadar kematian global pada 7.02 peratus manakala kes sembuh yang direkodkan sehingga kini adalah sebanyak 1,168,438 kes (31.92 peratus) seperti pada Jadual 2.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

> **AS: Aktiviti sektor perkhidmatan menyusut buat pertama kalinya dalam jangkamasa lebih sepuluh tahun.** Satu laporan yang dikeluarkan oleh Institute for Supply Management menunjukkan aktiviti sektor perkhidmatan AS **menguncup buat pertama kalinya sejak Disember 2009** pada bulan April 2020. ISM mengatakan indeks bukan pembuatan jatuh kepada 41.8 pada bulan April 2020 daripada 52.5 pada bulan sebelumnya. Indeks bukan pembuatan ini merosot ke tahap terendah sejak mencecah 40.1 pada bulan Mac 2009 tetapi masih berada di atas anggaran penganalisis ekonomi pada bacaan 36.8. (RTT)
>
> **AS: Defisit perdagangan AS meningkat kepada AS$44.4 bilion pada Mac 2020.** Nilai eksport menunjukkan penurunan yang lebih tinggi daripada nilai import. *Commerce Department* AS melaporkan **peningkatan ketara dalam defisit perdagangan AS** pada bulan Mac 2020 kepada AS$44.4 bilion berbanding AS$39.8 bilion pada bulan Februari 2020. Peningkatan defisit perdagangan terjadi apabila nilai eksport jatuh -9.6 peratus menjadi AS$187.7 juta, sementara nilai import merosot -6.2 peratus menjadi AS$232.2 juta. (RTT)
>
> **EU: Harga pengeluar zon Eropah menurun pada kadar yang lebih pantas.** Eurostat melaporkan harga pengeluar zon euro menurun pada kadar yang **lebih pantas** pada bulan Mac akibat **kejatuhan harga tenaga** yang mendadak. Harga pengeluar turun -2.8 peratus (*YoY*) pada bulan Mac, lebih cepat daripada penurunan -1.4 peratus pada bulan Februari 2020. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, harga pengeluar turun -1.5 peratus setelah turun -0.7 peratus pada bulan Februari. Ini adalah penurunan harga kedua berturut-turut. Data menunjukkan **penurunan harga tenaga sebanyak -11.3 peratus** (*YoY*) manakala harga barangan pertengahan turun -1.8 peratus. (RTT)
>
> **UK: Ekonomi berpotensi menyusut -7 peratus atau lebih. Ekonomi UK menunjukkan sedang ke arah penyusutan -7 peratus secara suku tahunan** kesan daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengekang penularan COVID-19 melalui penutupan perniagaan. IHS Markit melaporkan PMI bulanan UK bagi sektor perkhidmatan jatuh ke tahap terendah sejak tinjauan bermula pada tahun 1996. PMI sektor Perkhidmatan UK jatuh ke 13.4 pada bulan April dari 34.5 pada bulan Mac. (Reuters)

**UK: Penjualan kereta baharu UK jatuh ke tahap terendah sejak tahun 1946.** Penjualan kereta baharu UK merosot sekitar -97 peratus pada bulan April ke **tahap terendah dari mana-mana bulan sejak Februari 1946** dengan kilang dan pengedar ditutup kerana wabak COVID-19. Langkah-langkah sekatan pergerakan telah dilakukan di seluruh Eropah sejak pertengahan Mac untuk mengatasi wabak tersebut, yang menyebabkan penutupan banyak perniagaan dan membatasi pergerakan masyarakat. Berdasarkan data awalan yang diterbitkan oleh *the Society of Motor Manufacturers,* hanya sekitar 4,000 kereta didaftarkan dengan sebagian besar penjualan adalah pembelian kenderaan industri *(fleet vehicles*). (Reuters)

**SINGAPURA: Jualan runcit mengalami penurunan terbesar dalam jangkamasa 20 tahun.** Jualan runcit Singapura pada bulan Mac jatuh pada tahap paling tinggi bagi tempoh masa lebih dari 20 tahun. Kejatuhan ini adalah kerana penggunaan, terutama ke atas barangan seperti pakaian dan barang kemas turun disebabkan oleh krisis kesihatan COVID-19. Jualan runcit turun -13.3 peratus (*YoY*), iaitu **penurunan terbesar sejak September 1998.** Berdasarkan pelarasan musim, Jualan runcit merosot -1.3 peratus (*MoM)* dari bulan sebelumnya. (Reuters)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1) **AmBank Research** menjangkakan **kos pinjaman yang rendah, pelaksanaan pakej rangsangan** dan **pelonggaran beransur-ansur kawalan pergerakan akan mendorong pemulihan ekonomi negara** secara beransur-ansur pada suku ketiga.

2) **Peruncit barangan mewah** di dalam negara mengambil masa **enam bulan** untuk pulih dari jualan yang merosot akibat pandemik COVID-19. Penjualan barang mewah **mula terjejas sejak akhir Januari 2020**, dua bulan sebelum pelaksanaan PKP.

3) London Biscuits Bhd**. telah jual tujuh bidang tanah industri pegangan bebas di Johor Bahru** dengan harga RM70 juta dan sedang dalam proses pembubaran.

4) Syarikat pembinaan di Malaysia **mengalami masalah kewangan sepanjang PKP dijalankan. Sebanyak RM320 juta kos perlu dibelanjakan** bagi menjalankan ujian saringan dengan anggaran RM400 seorang bagi setiap pekerja asing**.** Pihak kontraktor turut mengalami kerugian disebabkan oleh perbelanjaan tambahan tersebut.

5) Eksport barangan **elektrik dan elektronik terjejas** disebabkan **gangguan rantaian bekalan global** akibat penularan wabak Covid-19.

6) Segmen kurier **Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) mendapat lonjakan permintaan semasa pelaksanaan PKP** sejak 18 Mac bagi pembelian dalam talian melalui pelbagai vendor.

7) Pasaran kewangan domestik **menyaksikan aliran keluar dalam portfolio bukan residen berjumlah RM17.7 bilion (US$ 4.1 bilion)** pada Mac berikutan dengan sentimen *risk-off* yang menaik dan peningkatan ketidaktentuan terhadap tahap impak ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19.

8) **Pendapatan NESTLÉ (M) Bhd menurun 20.8 peratus** kesan daripada pandemik COVID-19. Keuntungan bersih syarikat tersebut merosot kepada RM186.31 juta suku pertama 2020 berbanding RM235.22 juta suku yang sama tahun lalu. Pendapatan juga turut menyusut 1.3 peratus kepada RM1.43 bilion dari RM1.45 bilion tahun sebelumnya, disebabkan oleh penurunan jualan domestik sebanyak 3.4 peratus.

9) **Majlis Tindakan Ekonomi Sarawak** ditubuh bagi merangka pelan tindakan untuk **mengukuhkan Strategi Pemulihan Ekonomi Pasca COVID-19** sehingga 2030. Tumpuan adalah **mewujudkan pusat data dan inovasi, memperkasa perlombongan, sektor komoditi dan pertanian komersial produktiviti tinggi** serta **meneroka sumber pendapatan baharu**. Dasar ekonomi Sarawak perlu dikemaskini bagi mewujudkan persekitaran baharu dan membuka semula peluang pekerjaan terutamanya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

10) **Sektor perhotelan di Pahang** mengalami **kerugian kira-kira RM500 juta** berikutan penularan **wabak COVID-19** sehingga akhir bulan lalu. **Kerajaan Pahang mencadangkan Tahun Melawat Malaysia 2020** (TMM 2020) yang dibatalkan, **dilaksanakan pada 2022** bagi merancakkan kembali sektor pelancongan dan rakyat digalak melancong secara domestik.

11) Penularan **COVID-19 memberi kesan** kepada lebih **10 ribu pengusaha bas pelancong** dalam negara yang menghadapi tekanan **untuk membayar pinjaman kenderaan**. Ada antaranya telah memohon Skim Subsidi Upah namun masih belum menerima maklumbalas daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

12) **Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro** mempunyai tempoh sehingga 15 Mei ini untuk **mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)** secara dalam talian bagi mendapatkan **kemudahan Geran Khas Prihatin (GKP).** Dianggarkan **700,000 PKS mikro** akan menerima **geran bernilai RM3,000** untuk entiti perniagaan berdaftar dan berlesen.

13) **Survei** oleh ***Association of Chartered Certified Accountants*** **(ACCA)** mendapati masalah aliran tunai mungkin menyebabkan **24 peratus perniagaan ditutup** dalam **tempoh enam bulan** akan datang, dan hingga **49 peratus dijangka akan ditutup** dalam **tempoh 12 bulan** kerana tidak bersedia menghadapi krisis COVID-19.

14) Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan sebanyak **96.8 peratus daripada 41,386 responden** menyatakan **memperoleh faedah daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN)**, yang mana 68.2 peratus responden menerima tiga bentuk bantuan, 13.9 peratus menerima dua bantuan dan 17.9 peratus menerima satu bantuan.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **BERNAMA** | **96.8 peratus responden peroleh faedah daripada Pakej PRIHATIN - Dapatan survey**<br><br>Jabatan Perangkaan Malaysia mendedahkan sebanyak 96.8 peratus daripada 41,386 responden menyatakan memperoleh faedah daripada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), yang mana 68.2 peratus responden menerima tiga bentuk bantuan, 13.9 peratus menerima dua bantuan dan 17.9 peratus menerima satu bantuan.<br><br>Melalui PRIHATIN didapati sejumlah 70.1 peratus responden berpendapat bahawa pakej rangsangan tersebut berkesan kerana dapat mengurangkan beban kewangan manakala 9.1 peratus reponden pula berpendapat ianya berkesan sepenuhnya kerana dapat menghilangkan beban kewangan yang dihadapi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1839070 |
| 2. | **The Edge Markets** | **MDEC: E-commerce set to see strong growth this year**<br><br>E-commerce's contribution to the country's Gross Domestic Product (GDP) is expected to rise this year on increased consumer confidence in digital transactions amid the Movement Control Order. Under the National e-Commerce Strategic Roadmap, | https://www.theedgemarkets.com/article/mdec-ecommerce-set-see-strong-growth-year |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | e-commerce was estimated to record a 20% growth rate this year to RM170 billion. | |
| 3. | **Malay Mail** | **COVID-19: Malaysian retailers say job cuts, store closures inevitable as 'new normal' bites**<br><br>Malls half-empty with long queues outside entrances manned by guards.<br><br>With social distancing expected to remain in place for the rest of the year at least, businesses say lifting the movement control order (MCO) will do little to curb plummeting sales.<br><br>Many retailers are already implementing cost cuts, at least 80 per cent, while 30 per cent of them expect to lay workers off in the next six months. | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/06/covid-19-malaysian-retailers-say-job-cuts-closures-inevitable-as-new-normal/1863440 |
| 4. | **Berita Harian** | **Ekonomi dijangka pulih seawal suku ketiga tahun ini - Ambank Research**<br><br>Kadar faedah yang lebih rendah berpotensi menarik pengguna untuk kembali ke dalam pasaran dengan membeli seperti hartanah dan kenderaan walaupun jumlah urus niaganya mungkin tidak ketara pada suku ketiga 2020.<br><br>Pada separuh kedua 2020, ekonomi dijangka akan kembali pulih dan ketika tahap keyakinan meningkat, permintaan diramalkan akan meningkat. Pertumbuhan akan rendah pada bulan berikutnya atau selepas itu dan kemudiannya akan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/685770/ekonomi-dijangka-pulih-seawal-suku-ketiga-tahun-ini-ambank-research |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mencatatkan peningkatan ketara pada suku ketiga. | |

Penemuan penting & isu:

1. Artikel 2 – Kebanyakan peruncit sudah melaksanakan pemotongan kos, sekurang-kurangnya 80 peratus dan 30 peratus daripadanya terpaksa memberhentikan pekerja. Sementara itu, 50 peratus lagi mengatakan mungkin operasi mereka terpaksa ditutup jika keadaan tidak bertambah baik selama tempoh enam (6) bulan ke hadapan.

2. Artikel 4 - Kos pinjaman yang rendah, pelaksanaan pakej rangsangan dan pelonggaran secara berperingkat kawalan pergerakan akan mendorong pemulihan ekonomi negara secara beransur-ansur pada suku ketiga sebelum kemajuan seterusnya pada suku keempat 2020.

Maklumbalas Bahagian:

1. Susulan penularan wabak COVID-19, sentimen pengguna di sektor runcit berada pada tahap yang rendah dan telah menjejaskan prestasi subsektor ini serta secara keseluruhan memberi kesan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2019, nilai ditambah kasar subsektor perdagangan runcit meningkat kepada RM109.8 bilion (2018: RM101.2 bilion) dengan pertumbuhan pada 8.4 peratus. Subsektor tersebut menyumbang sebanyak 7.7 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2019 berbanding 7.4 peratus pada tahun sebelumnya.

2. Bantuan yang disalurkan oleh kerajaan dan pelaksanaan PKPB, dengan membenarkan hampir kesemua aktiviti ekonomi beroperasi dijangka dapat menggiatkan ekonomi dan secara langsung akan memberi impak positif kepada prestasi ekonomi negara. Pada ST4 2019, KDNK Malaysia merekodkan pertumbuhan 3.6 peratus berbanding 4.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Secara keseluruhan, KDNK Malaysia pada tahun 2019 bertumbuh 4.4 peratus dengan nilai RM1.51 trilion pada harga semasa.

| **B.** | **Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **New Strait Times** | **High-income earners and expatriates to drive luxury retail sector**<br><br>Luxury retailers in the country would likely take about six months to recover from their plunging sales resulted from the COVID-19 | https://www.nst.com.my/business/2020/05/590222/high-income-earners-and-expatriates-drive-luxury-retail-sector |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | pandemic and the Movement Control Order (MCO) since 18 March 2020.<br><br>Demand for luxury brands in Malaysia would be slightly affected too as it is primarily driven by high-income Malaysians and expatriates as well as big-spender foreign tourists. Additionally, demand for luxury brands would be spurred by local customers as they might return to luxury malls to spend. | |
| 2. | **The Edge Market** | **London Biscuits sells industrial land for RM70m to pay off creditors**<br><br>London Biscuits Bhd, which is currently under liquidation, is selling seven parcels of freehold industrial land in Johor Bahru for RM70 million.<br><br>The land comes together with buildings, plant and machineries, as well as intellectual property rights comprising certain trademarks and goodwill associated with such trademarks. The purchaser of the assets is Pacific Petcare Sdn Bhd, with Mamee-Double Decker (M) Sdn Bhd acting as the guarantor. | https://www.theedgemarkets.com/article/london-biscuits-sells-industrial-land-rm70m-pay-creditors |
| | **B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 3. | **Berita Harian** | **COVID-19: AirAsia tak dibenar bawa masuk warga asing**<br><br>Kerajaan masih kekal dengan dasar tidak membenarkan warga asing memasuki | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/685804/covid-19-airasia-tak-dibenar-bawa-masuk-warga-asing |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Malaysia termasuk menerusi laluan udara. Perkhidmatan penerbangan termasuk AirAsia hanya dibenarkan membawa masuk warganegara Malaysia. | |
| | **C. Subsektor Pentadbiran & Khidmat Sokongan** | | |
| 4. | **The Sun Daily** | **Tour operators struggle to stay afloat**<br><br>The tourism industry was the first to suffer when the COVID-19 pandemic hit and it will be the last to recover. Many of those involved in the industry are finding its hard to sustain. | https://www.thesundaily.my/local/tour-operators-struggle-to-stay-afloat-BB2377425 |

Penemuan penting & isu:

1. Peruncit barangan mewah di negara mungkin mengambil masa sekitar enam bulan untuk pulih dari jualan yang merosot akibat pandemik COVID-19. Penjualan barang mewah mula terjejas sejak akhir Januari 2020, hampir dua bulan sebelum pelaksanaan PKP.
2. London Biscuits Bhd. telah menjual tujuh bidang tanah industri pegangan bebas di Johor Bahru dengan harga RM70 juta dan sedang dalam proses pembubaran.
3. Kerajaan kekal dengan dasar tidak membenarkan warga asing memasuki Malaysia menerusi laluan udara. Hal ini susulan AirAsia Indonesia yang akan memulakan operasi pada 18 Mei ini untuk membawa penumpang ke Malaysia.
4. Industri pelancongan dijangka akan pulih dalam tempoh sekurang-kurangnya setahun akibat pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kebanyakan premis perniagaaan yang mula menjalankan perniagaan masing-masing mengalami norma baharu dengan syarat yang telah diperketatkan oleh kerajaan. Justeru itu, jumlah pelanggan yang boleh memasuki premis dalam satu masa yang sama juga berkurangan dan ini secara tidak langsung akan mengakibatkan hasil jualan di kedai-kedai tidak memberansangkan seperti keadaan normal. Hasil dapatan perniagaan yang beroperasi secara norma baharu akan dapat dilihat pada Prestasi Perdagangan Borong & Runcit pada bulan Mei 2020.
2. Larangan kemasukan warga asing oleh kerajaan Malaysia susulan pelaksanaan PKPB akan memberikan kesan terhadap bilangan penumpang udara pada Mei 2020 dan dijangka mempengaruhi prestasi pengangkutan udara dalam tempoh tersebut.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **Subdued trade performance expected in 2020**<br><br>The impact of COVID-19 is expected to take a toll on Malaysia's trade performance this year due to disruptions in global supply following the containment measures and strict quarantines.<br><br>Weak global growth and prolonged global supply chain disruptions amid containment measures in major countries will also dampen Malaysia's trade performance.<br><br>The intra-regional trade will be impacted by the possibility of extended lockdowns and quarantine rules of Asean countries. The demand for Malaysia's electrical and electronics (E&E) exports will remain sluggish due to the supply disruptions. | https://themalaysianreserve.com/2020/05/06/subdued-trade-performance-expected-in-2020/ |
| 2. | **International Trade Centre** | **COVID-19 Temporary Trade Measures**<br><br>Daily update of COVID-19 trade measures:<br><br>Cambodia terminates export restrictions on masks. (Effective on 04/05/2020)<br><br>Turkey terminates export restrictions of medical ventilators and certain desinfectants. (Effective on 02/05/2020) | https://www.macmap.org/covid19 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Chinese Taipei prohibits exports of certain hand sanitizers. (Effective on 01/05/2020)<br><br>Thailand terminates the export prohibition of chicken eggs. (Effective on 01/05/2020) | |

Penemuan penting & isu:

1. Eksport barangan elektrik dan elektronik dikhuatiri akan terjejas disebabkan gangguan yang teruk terhadap rantaian bekalan global akibat penularan wabak COVID-19.
2. Kebanyakan negara sebelum ini telah mengenakan sekatan eksport alat perlindungan diri untuk memastikan bekalan domestik mencukupi bagi menghadapi COVID-19. Berkuatkuasa mulai 4 Mei 2020, negara Kemboja telah menghentikan sekatan eksport topeng muka. Taiwan juga telah menarik balik sekatan eksport pembersih tangan pembasmi kuman.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berasaskan tahun ke tahun, eksport barangan elektrik dan elektronik (33.6% daripada jumlah eksport) pada bulan Mac 2020, menyusut RM4.4 bilion (-13.9%) kepada RM26.9 bilion. Sementara itu, berasaskan bulan ke bulan, eksport barangan elektrik dan elektronik meningkat RM1.8 bilion (+7.1%) daripada RM25.1 bilion. Pada bulan Mac 2020, Malaysia mengeksport barangan elektrik dan elektronik ke Singapura (RM4.4 bilion, 16.2%), Hong Kong (RM4.1 bilion, 15.1%) dan Amerika Syarikat (RM3.8 bilion, 14.2%).

2. Antara negara yang telah mengenakan sekatan eksport alat perlindungan diri ialah:
    a. **Malaysia, Taiwan, Thailand, Ecuador, Georgia** dan **Switzerland** mengenakan sekatan eksport terhadap topeng muka.
    b. **Republik Korea** dan **Arab Saudi** mengenakan sekatan eksport terhadap produk bekalan perubatan dan topeng muka.
    c. **Indonesia** mengenakan sekatan eksport terhadap produk bekalan perubatan, pembersih tangan pembasmi kuman dan bahan mentah bagi produk topeng muka.
    d. **India** juga mengenakan sekatan eksport terhadap mesin ventilator, produk bekalan perubatan, pembersih tangan pembasmi kuman dan bahan mentah bagi produk topeng muka.

3. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star** | **Construction firms face another stumbling block**<br><br>The mandatory COVID-19 screenings for foreign workers is another stumbling block for construction companies who are already suffering from halted operations during the movement control order (MCO).<br><br>Apart from the additional costs incurred, employers are also battling against time to get workers tested for the coronavirus before the commencement of work. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/05/06/another-stumbling-block-for-construction-firms |
| 2. | **FMT News** | **145 construction workers on the run after COVID-19 swab test**<br><br>A group of foreign workers has gone into hiding after swab tests carried out on those who had come into contact with infected workers at the Pavilion Embassy construction site here. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/05/06/145-construction-workers-on-the-run-after-covid-19-swab-test/ |
| 3. | **Astro Awani** | **Lebih 10,000 Kenderaan Diperiksa Task Force Pada Hari Kedua PKPB**<br><br>Menteri Kanan (Kluster Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pasukan tersebut turut memeriksa 546 pasar awam, 927 tempat ibadah, 298 kawasan riadah serta 180 tapak pembinaan. | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-10-000-kenderaan-diperiksa-task-force-pada-hari-kedua-pkpb-241771 |

| |
|---|
| Penemuan penting & isu:<br>1. Syarikat pembinaan di Malaysia mengalami masalah kewangan sepanjang PKP dijalankan. Sebanyak RM320 juta kos perlu dibelanjakan bagi menjalankan ujian saringan dengan anggaran RM400 seorang bagi setiap pekerja asing. Pihak kontraktor turut mengalami kerugian disebabkan oleh perbelanjaan berlebihan dan mereka berharap agar kerajaan dapat menyediakan kemudahan terhadap pekerja asing dari segi kewangan.<br>2. Seramai 145 pekerja asing di dalam industri pembinaan telah melarikan diri setelah ujian saringan dijalankan ke atas kontak rapat pekerja asing yang telah dijangkiti. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Edmund Santhara akan mengadakan satu perjumpaan dengan pihak CIDB bagi membincangkan masalah ini.<br>3. Pasukan khas terdiri daripada 14 agensi kerajaan yang diberi kuasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk pelaksanaan pematuhan PKPB berkenaan. Sebanyak 17,728 premis diperiksa termasuk pasaraya, restoran dan kilang. |
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Bahagian akan menilai penngkatan perbelanjaan berkenaan isu yang dialami oleh syarikat pembinaan dalam menanggung perbelanjaan kos ujian saringan COVID-19 kepada pekerja.<br>2. BPPIB mengambil maklum berkenaan pekerja asing yang perlu menjalani ujian COVID-19 bagi mengelak kluster baharu COVID-19.<br>3. BPPIB mengambil maklum berkenaan penguatkuasaan dalam membendung penularan COVID-19 di premis-premis perniagaan sepanjang PKPB. |

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian** | **COVID-19: Pintu sempadan Malaysia-Thailand masih ditutup**<br><br>Laluan pintu sempadan Malaysia-Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam masih ditutup kepada kenderaan awam dan hanya dibenarkan untuk lori pengangkutan perdagangan sahaja. Sekatan jalan dibuka bermula hari ini di Kepala Batas | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/685670/covid-19-pintu-sempadan-malaysia-thailand-masih-ditutup |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | untuk laluan orang ramai manakala sekatan jalan di Kodiang masih diteruskan. Ini kerana sekatan di Kodiang hampir dengan sempadan Perlis dan masih ditutup untuk mengelak orang luar masuk ke daerah ini. | |
| 2. | **Berita Harian** | **PKP: Segmen kurier Pos Malaysia catat permintaan amat tinggi**<br><br>Segmen kurier Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) mencatatkan peningkatan dalam permintaan ketika kebanyakan perniagaan terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu sekali gus menyaksikan Pos Malaysia terus-menerus menerima barang untuk dihantar melalui perkhidmatan Pos Laju. Peningkatan permintaan yang dapat dilihat adalah daripada segmen kurier, berikutan peningkatan pembelian dalam talian melalui pelbagai vendor yang menawarkan pelbagai barangan keperluan dan barangan am. Lanjutan PKP sehingga 12 Mei dikatakan tidak memberi kesan ketara kepada syarikat mel nasional, berikutan langkah Pos Malaysia menawarkan perkhidmatan alternatif secara dalam talian kepada pelanggan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/685759/pkp-segmen-kurier-pos-malaysia-catat-permintaan-amat-tinggi |
| 3. | **Berita Harian** | **BNM: Foreign fund outflow at RM17.7b in March amid heightened global risk aversion**<br>Domestic financial markets saw non-resident portfolio outflows totaling RM17.7 billion | https://www.theedgemarkets.com/article/bnm-foreign-fund-outflow-rm177b-march-amid- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | (US$ 4.1 billion) in March as risk-off sentiments intensified amid heightened uncertainties on the severity and potential economic impact of the COVID-19 pandemic, said Bank Negara Malaysia. Global risk aversion remained elevated despite the large-scale monetary and fiscal stimulus measures introduced worldwide. This has led to higher demand for safer and more liquid assets such as cash and US Treasury securities. In addition, the substantial decline in global prices further hampered sentiments in the global financial markets. As a result, the ringgit depreciated against the US dollar by 1.8%, the FBM KLCI declined 8.9% to close at 1,351 points, and the 10-year MGS yield increased 52.9 basis points. BNM said outstanding loan growth in March was sustained at 4% versus 3.9% in February, while outstanding corporate bond growth fell to 7.6% from 8.2% due to lower issuances amid higher redemptions. | heightened-global-risk-aversion |

Penemuan penting & isu:

1. Akhbar 1: Laluan pintu sempadan Malaysia-Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam masih ditutup kepada kenderaan awam dan hanya dibenarkan untuk lori pengangkutan perdagangan sahaja.
2. Akhbar 2: Segmen kurier Pos Malaysia Bhd (Pos Malaysia) mengalami lonjakan permintaan semasa pelaksanaan PKP sejak 18 Mac lalu menerusi pembelian dalam talian melalui pelbagai vendor yang menawarkan pelbagai barangan keperluan dan barangan am.
3. Akhbar 3: Pasaran kewangan domestik menyaksikan aliran keluar dalam portfolio bukan residen berjumlah RM17.7 bilion (US$ 4.1 bilion) pada Mac berikutan dengan sentimen *risk-off* yang menaik dan peningkatan ketidaktentuan terhadap tahap impak ekonomi akibat daripada pandemik COVID-19.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Maklumbalas Bahagian:<br>1. Akhbar 1: Penutupan pintu sempadan Malaysia-Thailand kepada kenderaan awam dan hanya dibuka kepada lori pengangkutan perdagangan sahaja bakal memberi kesan dalam komponen Perjalanan dan Barangan. Pada 2019, Perjalanan dan Barangan masing-masing mencatatkan lebihan sebanyak RM30.9 bilion dan RM125.5 bilion.<br>2. Akhbar 2: Lonjakan permintaan segmen kurier semasa pelaksanaan PKP sejak 18 Mac lalu akan mempengaruhi komponen Pengangkutan. Pada 2019, eksport Pengangkutan mencatatkan RM21.6 bilion dan import ialah RM47.4 bilion<br>3. Akhbar 3: Aliran keluar portfolio bukan residen dalam pasaran kewangan tempatan bakal mempengaruhi penyusunan statistik Akaun Kewangan terutamanya dalam komponen Pelaburan Portfolio. Aliran keluar sebanyak RM37.7 bilion telah dicatatkan dalam Pelaburan Portfolio pada tahun 2019. | | | |
| **F.** | **Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)** | | |
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Malaysian Reserve** | **Nestlé Malaysia's 1Q20 earnings down 21% on COVID-19, early CNY impact**<br><br>NESTLÉ (M) Bhd's earnings fell 20.8% year-on-year in the first quarter ended March 31, 2020 (1Q20), as the country's largest food and beverage (F&B) manufacturer took a hit from the COVID-19 pandemic and the earlier festive season.<br><br>Nestlé Malaysia's 1Q20 net profit slipped to RM186.31 million from RM235.22 million last year.<br>Revenue dipped 1.3% to RM1.43 billion from RM1.45 billion the year prior primarily due to a 3.4% reduction in domestic sales, although export sales grew 8.8%.<br><br>The impact on domestic sales is partly due to the anticipated earlier timing of Chinese New | https://themalaysianreserve.com/2020/05/06/nestle-malaysias-1q20-earnings-down-21-on-covid-19-early-cny-impact/ |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Year (CNY) and the impact of COVID-19 on the out-of-home business, following the closure of restaurants, coffee shops and most other dine-in channels. | |

Penemuan penting & isu:

1. Pendapatan NESTLÉ (M) Bhd menurun 20.8% tahun ke tahun bagi suku pertama 2020 (Q120) antara kesan daripada pandemik COVID-19. Keuntungan bersih syarikat itu merosot kepada RM186.31 juta Q120 berbanding RM235.22 juta suku yang sama tahun lalu. Pendapatan juga turut menyusut 1.3% kepada RM1.43 bilion dari RM1.45 bilion tahun sebelumnya, disebabkan oleh penurunan jualan domestik sebanyak 3.4% walaupun penjualan eksport meningkat 8.8%.

Maklumbalas Bahagian:

2. Pendapatan syarikat makanan dan minuman terjejas berikutan penularan pandemik COVID-19 yang menyebabkan aktiviti perniagaan di luar rumah, penutupan restoran, kedai kopi dan kebanyakan saluran perniagaan makanan dan minuman. Ini memberi impak kepada rantaian perniagaan, seterusnya menjejaskan eksport yang berasaskan komoditi makanan dan minuman.

**G. Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)**

| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
|---|---|---|---|
| 1. | **Sinar Harian** | **Harga sayur naik di Perak**<br><br>Harga beberapa jenis sayur di negeri ini dikesan mulai naik sama ada di pasar raya mahu pun pasar awam sejak beberapa hari lalu. | https://www.sinarharian.com.my/article/82231/EDISI/Perak/Harga-sayur-naik-di-Perak |

Penemuan penting & isu:

1. Antara sayur yang mengalami peningkatan harga ialah kacang panjang, kacang buncis, kangkung dan beberapa jenis sayur di beberapa pasar awam dan pasar raya sekitar Ipoh serta Teluk Intan. Peningkatan harga ekoran kekurangan bekalan akibat faktor cuaca.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan harga bagi item sayuran akan memberi kesan kepada IHP Mei 2020 bagi negeri Perak. Bahagian ambil maklum dan akan memantau berhubung isu ini

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian** | **Pantau jalan tikus migran**<br><br>Polis Diraja Malaysia (PDRM) khususnya Polis Johor turut mendedahkan lebih 15 lokasi yang dikesan sebagai lorong tikus sindiket penyeludupan migran membawa PATI untuk keluar atau masuk negara ini melalui perairan Johor. Lokasi berkenaan merangkumi pantai barat Johor iaitu dari Muar, Batu Pahat, Kluang, Pontian sehingga Gelang Patah, manakala pantai timur menyusuri pantai dari Mersing, Kota Tinggi sehingga ke Pasir Gudang. | https://www.sinarharian.com.my/article/82167/SUARA-SINAR/Analisis-Sinar/Pantau-jalan-tikus-migran |
| 2. | **Sinar Harian** | **COVID-19: 664 rakyat Malaysia masih terkandas di luar negara**<br><br>Berdasarkan maklumat daripada perwakilan Malaysia di luar negara terdapat 664 lagi rakyat tempatan yang masih terkandas di luar negara setakat hari ini. Daripada jumlah itu, 190 adalah jemaah tabligh yang sedang ditahan dan dikuarantin di India iaitu New Delhi seramai 158, Chennai (23) dan Mumbai (9). Seramai 55 orang daripada jumlah keseluruhan tabligh itu telah dikenakan tuduhan menyalahgunakan visa lawatan oleh pihak berkuasa India. | https://www.sinarharian.com.my/article/82268/BERITA/Nasional/Covid-19-664-rakyat-Malaysia-masih-terkandas-di-luar-negara |
| 3. | **Berita Harian** | **MAIK sumbang 4,100 bakul makanan kepada Orang Asli**<br><br>Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) menyediakan 4,100 bakul makanan untuk diagihkan kepada Orang Asli. Bakul makanan itu | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/05/685744/maik-sumbang-4100-bakul-makanan-kepada-orang-asli?utm_source=bh&utm_campaign=rec |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | mengandungi 16 barangan bernilai RM192 setiap satu dan akan diagihkan kepada setiap isi rumah Orang Asli di 18 pos pedalaman negeri termasuk di daerah Gua Musang, Kuala Krai dan Jeli. | sys&utm_medium=recsys |
